

Sokongan universiti bantu pelajar lalui kebiasaan baharu

Serdang: Melakukan kebiasaan baharu di kampus ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bukan sesuatu yang mudah tetapi hasil sokongan dan keperihatinan penyarah, pegawai serta kakitangan, perkara itu dapat dilalui pelajar dengan sebaiknya.

Pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM), M Adib Farhan Abdullah mengakui pada peringkat awal PKP, beliau berasa agak tertekan kerana bimbang penularan COVID-19, selain pergerakan yang terbatas di dalam kampus sahaja.

“Bagaimanapun sokongan, kemuudahan dan bantuan yang diberikan pihak UPM, termasuk makanan yang disediakan telah membolehkan pelajar untuk menerima kebiasaan baharu ini.

“Kami bersyukur dan berterima kasih kepada pihak universiti yang begitu prihatin dalam menjaga kebajikan pelajar sepanjang tempoh PKP,” katanya ketika ditemui sebelum berlepas pulang ke kampung halamannya di Ipoh, Perak.

Adib Farhan adalah antara lebih 1,000 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Sela-



ngor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, yang pulang ke beberapa lokasi di zon Perak dengan menaiki bas dari UPM yang menjadi tuan rumah menguruskan perjalanan pulang pelajar terbabit.

Beliau turut melahirkan kesyu-

kuran kerana inisiatif daripada kerajaan dan koordinasi daripada universiti telah membolehkan beliau serta pelajar lain untuk pulang ke kampung halaman masing-masing.

“Pada awalnya memang saya

Adib Farhan antara lebih 1,000 pelajar IPT awam dan swasta di Selangor, Kuala Lumpur serta Putrajaya yang pulang ke beberapa lokasi di zon Perak, baru-baru ini.

Sementara itu, bapa Adib Farhan, Abdullah Yusof, 59, berkata, beliau amat bersyukur kerana anaknya selamat tiba ke rumah.

“Saya berasa lega hilang segala kerisauan sebelum ini kerana Farhan sudah berada bersama kami. Walaupun UPM membekalkan makanan dan seumpamanya, sebagai bapa pasti bimbang keselamatan anak kerana tahu bahaya pandemik COVID-19 ini.

“Kini kami dapat bersama-sama pada Ramadan dan insya-Allah berpeluang merayakan Aidilfitri. Terima kasih kepada UPM serta semua pihak yang terbabit membantu pelajar sepanjang PKP, penyumbang makanan dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT),” katanya.

Sementara itu, mahasiswa jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan UPM, Koh Sue Kie, 22, berkata sepanjang berada di kolej beliau sentiasa menghubungi keluarganya menerusi media sosial terutama bagi memaklumkan situasi dan keadaan diri.

“Ketika berhubung melalui *WhatsApp*, keluarga sering menasihati saya supaya sentiasa berhati-hati, kerap membasuh tangan dan memastikan penjarakan sosial,” katanya.

tidak pasti sama ada dapat berhari raya di kampung atau tidak tetapi kini alhamdulillah, justeru saya berharap agar semua pelajar dapat terus mengekalkan amalan penjarakan sosial dan sering menjaga kebersihan,” katanya.